



Headline: Pekebun ditipu RM72,000 sindiket menyamar polis Language: Malay
polis

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 10 May 2019

Page: 64

MACAU SCAM

Pekebun ditipu RM72,000 sindiket menyamar polis

➔ Suspek dakwa akaun milik mangsa terbabit kes jenayah

Oleh **Shahrinnahar Latib**
bhnews@bh.com.my

► Bentong

Seorang pekebun kerugian RM72,000 selepas diperdaya seorang wanita yang menyamar anggota polis dipercayai sindiket Macau Scam.

Lelaki berusia 60 tahun itu dikatakan membuat pindahan

wang ke dalam akaun yang tidak dikenali pada 24 April lalu selepas mendapat panggilan daripada wanita yang mendakwa anggota daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang.

Kes wang haram, dadah

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa dimaklumkan polis ingin memeriksa akaun miliknya yang kononnya berurusan dengan seorang lelaki terbabit dengan kes pengubahan wang haram dan jual beli dadah.

"Akaun bank mangsa dikatakan terbabit dengan kegiatan seorang penjenayah yang dikenali sebagai Wong Ka Ting. Namun, mangsa menafikan me-



Suspek meminta mangsa memindahkan wang berjumlah RM72,000 bagi proses pemeriksaan akaun mangsa bertujuan untuk membuktikan yang mangsa tidak terbabit dengan kes berkenaan"

Mohd Wazir Mohd Yusof,
Ketua Jabatan Siasatan
Jenayah Komersial Pahang

ngenal lelaki berkenaan serta tidak terbabit dengan kes itu.

"Bagaimanapun, suspek meminta mangsa memindahkan wang berjumlah RM72,000 bagi proses pemeriksaan akaun mangsa bertujuan untuk membuktikan yang mangsa tidak terbabit dengan kes berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Gagal hubungi suspek

Beliau berkata, mangsa yang tidak mengesyaki apa-apa kemudian memindahkan wang ke dalam satu akaun yang diberikan suspek.

"Selepas itu, mangsa cuba hubungi semula suspek, namun gagal. Satu laporan polis dibuat mangsa di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong, di sini," katanya.